

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH**BMS3EN/2****SECONDARY 3 EXP/NA**
SPECIMEN PAPER 1**BAHASA MELAYU**
(KERTAS 2)**MALAY**
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 12 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Seni muzik tradisional caklempong berasal dari Sumatera Barat, Indonesia. Namun, proses asimilasi budaya berlaku maka muncullah caklempong versi Malaysia. Ia (1) percaya bermula pada abad ke-14 terutama di Negeri Sembilan.

Seni muzik di Nusantara itu (2) punya dua versi iaitu caklempong Minangkabau dan caklempong Malaysia. Masing-masing dimainkan (3) ikut teknik dan gaya permainan tersendiri. Apabila para penggiat muzik asal caklempong berhijrah ke Negeri Sembilan, gaya muzik itu (4) sesuai mengikut cita rasa masyarakat tempatan.

Seni caklempong Sumatera Barat bersifat lebih agresif, lebih-lebih lagi dari segi permainan dan tingkahan. Seni caklempong Malaysia pula lebih (5) atur dan tertib kerana ia dimainkan secara berkumpulan. Identiti paling menonjol pada caklempong Malaysia ialah penggunaan alat muzik akordion, manakala caklempong Sumatera Barat pula menggunakan alatan yang dikenali sebagai bangsi.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) baik membawa resmi ayam betina
- (B) besar kapal, besarlah gelombangnya
- (C) kilat di dalam kilau, kabus di dalam hutan
- (D) air yang dingin juga dapat memadamkan api
- (E) jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- (F) belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- (G) berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul
- (H) kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga
- (I) kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
- (J) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Ibu bapa kita seringkali berpesan, walau seberapa banyak pun gaji kita, kita mestilah berjimat cermat. Selain itu, mereka selalu juga menasihati kita bahawa kita harus bersedia menanggung tanggungjawab yang lebih berat sekiranya pangkat kita semakin tinggi. Maklumlah, _____ (6) _____. Oleh yang demikian, apabila keluar mencari pekerjaan, kita harus mencari pekerjaan yang sesuai dengan ilmu dan keupayaan kita kerana _____ (7) _____.

Dalam mana-mana pekerjaan pun, kita pasti akan menghadapi penyelia atau majikan yang tidak pandai menjaga hati pekerja. Apabila menghadapi situasi seumpama itu, walaupun kita marah, kita tidak harus meninggikan suara. Sebaliknya, kita harus bertutur dengan lembut kerana _____ (8) _____.

Walaupun majikan kita menyakitkan hati kita, kita harus ingat bahawa lebih _____ (9) _____. Demi mengelakkan perkara yang lebih buruh daripada berlaku, adalah lebih baik jika kita merendahkan diri dan mengalah. Sebagai pekerja yang berjawatan tinggi pula, kita harus cuba melakukan sesuatu jika ternampak rakan sekerja kita dibuli. Ini kerana, _____ (10) _____. Berapa sakitnya melihat seseorang diperlakukan, lebih dahsyatlah apa yang dirasakan si mangsa.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

aspek	menduduki	segi
dari	menyusuli	tinggi
daripada	rendah	

Para penganjur pameran tahunan perdagangan elektronik pengguna (CES) 2019 menyenaraikan Singapura sebagai salah satu ____ (11) ____ 16 negara yang dikenal pasti sebagai "Juara Inovasi".

Dalam edisi kedua Pemarkahan Inovasi Antarabangsa, Persatuan Teknologi Pengguna (CTA), 16 negara ____ (12) ____ tangga teratas dalam senarai tersebut. Estonia, Switzerland dan Finland meraih penilaian tertinggi dalam pelbagai komponen yang diambil kira.

Dengan kedudukan nombor lima, Singapura ialah satu-satunya negara Asia yang berjaya menduduki tangga tertinggi, ____ (13) ____ Amerika Syarikat di tangga keempat.

Markah tertinggi diraih Singapura dalam ____ (14) ____ keterbukaan terhadap inovasi. Selain itu, lebih setengah tenaga kerja di sini berkemahiran ____ (15) ____ . Khidmat jalur lebar atau broadband adalah satu lagi bidang yang mendapat penilaian yang baik.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Jangan lepaskan peluang menyertai peraduan
SENAMAN MEGA SINGAPURA di tempat-tempat
kerja!

Senam tari dengan rakan-rakan sepejabat
serta berpeluang memenangi pelbagai
hadiah menarik!



Kumpulkan sekurang-kurangnya 10 rakan
sekerja kamu, kemudian reka rutin tarian
baharu yang menggabungkan Senaman
Lebih Hebat Singapura. Lungsuri laman
kami untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Kamu hanya perlu merakam video
senaman di tempat kerja dan muat
naikkannya di Instagram. Jangan lupa
sertakan tanda pagar **#GSWatWorkplace**
#moveit150 #my10ktoday
#thegreatersingaporeworkout

Berpeluang memenangi hadiah-hadiah
berikut!

- Jabra Rox Fon Kepala Tanpa Wayar
- Jabra Halo Bijak
- Actxa Swift+
- Actxa Spur
- e-baucar Timberland \$50

Tertakluk terma dan syarat.



Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Untuk menyertai peraduan ini, seseorang harus membina kumpulan yang terdiri daripada _____.
(A) 10 rakan sekerja atau lebih
(B) 10 orang ahli keluarga atau lebih
(C) kurang daripada 10 ahli keluarga
(D) kurang daripada 10 rakan sekerja ()
17. Video senaman tersebut haruslah _____.
(A) dirakam di tempat awam
(B) disertakan tanda pagar yang tertentu
(C) digabungkan dengan Senaman Hebat Singapura
(D) disertakan dengan 10 rekaan rutin tarian yang baharu ()
18. Antara hadiah-hadiah yang mungkin dimenangi adalah seperti berikut **kecuali** _____.
(A) Jabra Halo Bijak
(B) Actxa Swift
(C) e-baucar Timberland
(D) Jabra Rox Fon Kepala Berwayar ()

Petikan 2

HargaAdilOnXOn



Kenikmatan Memberi 'Joy of Giving'

Dengan lebih 76 penerima bantuan, pilih satu keluarga yang paling menyentuh hati anda dan penuhilah senarai barang dapur keperluan mereka.

Derma Sekarang

Derma kepada Yayasan Dialisis Buah Pinggang sempena Hari Ginjal Sedunia

Pesakit Yayasan Buah Pinggang, Cik Wong, telah mengharungi pelbagai onak dan duri semasa memerangi penyakit kencing manis. Sumbangan yang diterima melalui program beli & derma HargaAdil OnXOn berupaya membantu menampung perbelanjaan keluarganya supaya mereka boleh menjalani kehidupan seperti insan yang lain.



[Klik sini](#) untuk membaca kisahnya.

[Klik sini](#) untuk menderma kepada Yayasan Dialisis Buah Pinggang.



tiada caj tempahan
bagi tempahan melebihi \$29





Penghantaran percuma

bagi tempahan melebihi \$39

Untuk Tempoh Terhad

Muat turun aplikasi di



Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Menerusi 'Joy of Giving', seseorang yang ingin menghulurkan bantuan boleh _____.
- (A) membantu satu keluarga yang ditentukan oleh sistem
 - (B) menderma barang dapur yang diperlukan salah satu keluarga
 - (C) membantu 76 keluarga yang tersenarai sebagai penerima bantuan
 - (D) menyiapkan senarai barang dapur yang sesebuah keluarga mungkin perlu
- ()
20. Sumbangan yang diberikan kepada Cik Wong telah membantunya _____.
- (A) meningkatkan kesihatan diri
 - (B) menjalani hidup yang mewah
 - (C) menampung perbelanjaan keluarga
 - (D) mendapat buah pinggang yang baharu
- ()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Pada pagi November yang dingin dua tahun lalu, Bayu berdiri di dalam sebuah tasik dengan ketinggian air mencecah paras dadanya, berjuang untuk membetulkan sebuah paip yang tersumbat. Tugas itu menjerihkan, meskipun bagi seorang jejaka berusia 47 tahun yang menjaga kesihatan dengan melakukan senaman mengangkat berat. Batang besi yang digunakannya untuk menebus paip itu sangat berat, diburukkan lagi dengan suhu air yang mencecah bawah empat darjah selsius serta permukaan dasar tasik itu yang amat licin. Bayu mendapati sukar memastikan dirinya sentiasa berdiri tegak.

5

Setelah usaha menjolok paip itu selama lima minit tidak membuahkan sebarang hasil, Bayu meletakkan kaki kirinya pada paip di bawah tasik itu untuk berehat seketika. Dia sedang meminta panduan daripada dua rakan setugasnya yang berada di tepi tasik tentang bagaimana untuk mengeluarkan benda yang tersumbat di dalam paip itu apabila tasik yang tenang itu mula **berpusar**.

10

Lubang yang sebelum itu sumbat tiba-tiba telah **lolos**, menyebabkan sedutan yang kuat bagaikan jamban yang dikumbah. Paip itu menyedut beribu-ribu tan air tasik dengan begitu kuat sekali sehingga ia menarik paip dalam genggamannya Bayu lalu jatuh ke dasar tasik itu - memerangkapkan kaki kiri Bayu. Hujung paip tersebut, yang tersekat di belakang lutut Bayu, adalah satu-satunya objek yang menahan Bayu daripada ditelan ke dalam paip berkenaan.

15

"Bayu tidak sesekali pun merancang untuk meranduk dalam tasik itu. Awal pagi itu, dua rakan setugasnya - Khai dan Bahar, telah meminta Bayu membawa but randuknya kerana but mereka sudah berlubang. Namun, but randuk Bayu ternyata terlalu kecil untuk Khai dan Bahar. Oleh sebab itu, Bayu **memutuskan** untuk memakai but itu sendiri dan menolong rakannya menyelesaikan tugas tersebut.

20

Pada mulanya, Khai ingatkan Bayu telah tergelincir. Tetapi selepas melihat muka Bayu yang kelihatan terlalu cemas, Khai menyedari bahawa sesuatu yang buruk telah berlaku. Khai pun terjun ke dalam tasik itu untuk menahan Bayu daripada terus disedut. Bahar pula dengan pantas mengambil sebatang penyodok supaya Bayu dapat menarik dirinya keluar. Namun sebelum bayu dapat menggenggam penyodok itu, ia telah **lesap** di bawah air.

25

30

Khai memeluk Bayu kuat-kuat sementara Bahar berlari ke lorinya untuk menelefon talian kecemasan. Sementara menunggu bantuan tiba, Khai mengarahkan Bahar supaya mencampakkan tangga dari lori mereka ke dalam tasik. Khai memacakkan kaki tangga itu

pada lumpur di dasar tasik berkenaan dan meletaknya di celah ketiak Bayu. Walaupun Bayu berasa seperti boleh pengsan bila-bila masa sahaja, dia terus mengepit tangga di bawah ketiakanya selama hampir dua jam. Khai kemudian keluar daripada tasik tersebut kerana menggigil kesejukan.

35

Akhirnya, pasukan penyelam daripada Angkatan Tentera Laut tiba untuk menyelamatkan Bayu. Dia kemudian dikejarkan ke hospital menerusi helikopter. Bayu kehilangan beberapa jari-jemarinya daripada luka beku yang dialami.

40

Sungguhpun demikian, 10 hari kemudian, dia kembali bekerja. Dia tidak langsung berasa marah atau dendam terhadap pekerjaannya. Kini, Bayu juga sering meluangkan masa bermain bola keranjang dengan anaknya yang berusia 15 tahun kerana selama ini, dia tidak dapat meluangkan masa bersama orang-orang yang dia sayangi. Kata Bayu, dia pasti tidak dapat membalas jasa semua orang namun beliau amat bersyukur masih berpeluang untuk meneruskan kehidupan.

45

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Mengapakah tugas yang sedang dilakukan oleh Bayu dianggap menjerihkan? (3 markah)

22. Mengapakah hujung paip itu amat penting bagi Bayu pada ketika itu? (3 markah)

23. Apakah yang membuat Khai sedar bahawa Bayu sedang menghadapi sesuatu yang buruk? (3 atau 5 markah*)

24. Berikan satu bukti bahawa Bayu seorang yang cekal. (3 atau 5 markah*)

25. Adalah penting bagi rakan-rakan saling membantu. Berikan dua bukti. (5 markah)

26. Bayu tidak mensia-siakan peluang yang diberikan untuk meneruskan kehidupannya setelah kejadian yang mengerikan itu. Berikan dua bukti. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30*, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. berpusar (baris 13) (2 markah)

28. lolos (baris 14) (2 markah)

29. memutuskan* (baris 23) (2 markah / tidak perlu jawab*)

30. lesap* (baris 29) (2 markah / tidak perlu jawab*)

SELESAI